

Keputusan Malaysia sertai Kumpulan The Hague tepat demi Palestin



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Undang-Undang,
Universiti Utara
Malaysia

Oleh Dr Mukhriz Mat Rus
bhrencana@bh.com.my

Ada yang memandang skeptikal penubuhan Kumpulan The Hague baru-baru ini, sebab utamanya kerana berkait dengan bilangan dan kekuatan pengaruh negara pengasas, iaitu Malaysia, Belize, Bolivia, Colombia, Cuba, Honduras, Namibia, Senegal dan Afrika Selatan.

Kumpulan The Hague menggabungkan negara beriltizam mempertahankan undang-undang antarabangsa dan memastikan Israel bertanggungjawab atas kejahatan berpanjangan di Palestin. Usaha ini bertujuan mencabar kekebalan dan layanan istimewa ke atas Israel.

Kumpulan The Hague juga berhasrat menghalang tindak-tanduk jenayah Israel dinormalisasikan, lantas mendatangkan bahaya kepada politik dan ketenteraman global.

Sebagai salah sebuah negara pengasas, Malaysia memainkan peranan penting memperjuangkan matlamat kumpulan ini, khasnya menegakkan keadilan untuk Palestin.

Pembabitian Malaysia juga menzahirkan dasar luar negara yang konsisten menentang pendudukan haram, sistem aparteid dan pencabulan hak asasi manusia di Palestin. Malaysia kekal membela hak Palestin untuk menentukan nasibnya sendiri di pentas antarabangsa.

Dapat dilihat, kekejaman dan penyalahgunaan undang-undang antarabangsa berpanjangan oleh Israel di Palestin semakin dinormalisasikan.

Apa yang berlaku di Gaza dan merebak ke Tebing Barat bukan sekadar jenayah terhadap rakyat Palestin. Ia petunjuk kepada betapa merosotnya

fungsi undang-undang antarabangsa dalam melindungi manusia.

Bahkan kini, seakan-akan tiada lagi perbezaan serangan dilakukan rejim Zionis terhadap orang awam dan pejuang Hamas. Semua dijadikan sasaran sesuka hati atau dikelaskan sebagai kebinaasaan lingkungan. Ini adalah bentuk bagaimana pelanggaran jenayah perang dan kemanusiaan dinormalisasikan Israel. Lebih parah bila tindakan ini bukan sahaja kebal, tetapi dibela kuasa besar.

Pastikan Israel bertanggungjawab

Prinsip perundangan antarabangsa sepatutnya bersifat sejagat dan terpakai sama rata kepada semua penduduk dunia, tidak kira yang kuat atau lemah.

Namun jika prinsip ini terus dilanggar demi kepentingan geopolitik tertentu, maka keseluruhan sistem undang-undang antarabangsa berasaskan kesaksamaan antara negara akan terancam, terutama di Palestin.

Kumpulan The Hague hakikatnya mengangkat suara dan sanubari masyarakat global yang inginkan keadilan dan keamanan

Menyedari hakikat ini, inisiatif dilancarkan di The Hague adalah bagi memastikan Israel bertanggungjawab terhadap segala tindakan jenayahnya di Palestin.

Negara ini beriltizam dan mengajak negara lain menguatkuasakan mekanisme undang-undang tempatan bagi menguatkuasakan undang-undang antarabangsa, terutama berkaitan jenayah perang, menolak perlindungan kepada Israel dan mengenakan sekatan senjata. Semua ini bukan sahaja satu tindakan munasabah, tetapi menjadi kewajipan dengan mengambil kira kejahatan jangka panjang Israel di wilayah Palestin yang diduduki secara haram.

Sementara itu, pemilihan kota The Hague sebagai pusat pelancaran kumpulan bebas ini juga cukup simbolik dan menerangkan dengan jelas gerakan ini.

The Hague terkenal sebagai 'kota keamanan dan keadilan' (*City of Peace and Justice*), menempatkan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) dan Mahkamah Tetap Timbangtara (PCA). Hal ini selari dengan perjuangan Kumpulan The Hague untuk menegakkan keadilan dengan membela undang-undang antara bangsa melalui jalan damai.

Kumpulan The Hague hakikatnya mengangkat suara dan sanubari masyarakat global yang inginkan keadilan dan keamanan. Hal ini diterjemahkan melalui keputusan undian bagi resolusi demi resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan Palestin.

Walaupun tidak senada dengan pendirian negara kuasa besar yang hakikatnya minoriti dunia, maka Kumpulan The Hague bukan sekadar suara kecil dan keputusan Malaysia menyertainya adalah tepat.